

23 NOV 2000

DR MAHATHIR BERLEPAS KE S'PURA HADIRI SIDANG KEMUNCAK TIDAK RASMI ASEAN

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini berlepas ke Singapura bagi menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Ketua-Ketua Kerajaan Asean Ke-4.

Pesawat eksekutif yang membawa Dr Mahathir berlepas dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang pukul 3.15 petang.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir.

Mesyuarat Tidak Rasmi Ketua-Ketua Kerajaan Asean yang keempat akan berlangsung selama dua hari mulai esok dan dijangka membincangkan isu-isu seperti kesan globalisasi, laluan keretapi Tran Asia, masalah Aids dan HIV sebelum menandatangani perjanjian "e-Asean".

Mesyuarat pertama tidak rasmi Ketua-Ketua Kerajaan Asean telah diadakan di Jakarta (1996), kedua di Kuala Lumpur (1997) dan ketiga di Manila (1999).

Sabtu ini, Ketua-ketua Kerajaan Asean akan mengadakan perjumpaan berasingan dengan Ketua-ketua kerajaan China, Jepun dan Korea Selatan dalam mesyuarat yang dipanggil ASEAN campur Tiga.

Dr Mahathir turut dijadualkan mengadakan perbincangan dua hala dengan Perdana Menteri Jepun, Yoshiro Mori, Perdana Menteri China Zhu Rongji dan Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung.

-- BERNAMA

AT HS RHM